

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
NAIB CANSOLOR UiTM**

**Sempena  
PROJEK AGROFARM2U  
FAKULTI SAINS GUNAAN**

**16 DISEMBER 2023**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Terima kasih Puan Pengerusi Majlis**

**Yang Dihormati Tuan Ir. Cheremi Tarman**

Timbalan Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Shah Alam

**YBhg. Prof. Dr. Rofina Yasmin Othman**

Pengerusi

TPM Nexus Sdn. Bhd.

**Encik Kamarulamin Bustami**

Pengarah

Operation and Business Development

TPM Nexus Sdn. Bhd.

**Encik Husni Md. Zain**

Ketua Operation and Business Development

TPM Nexus Sdn. Bhd.

**YBhg. Prof. Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Yang menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor ICAN

Yang Berusaha

**Prof. Dr. Hajah Farida Zuraina Mohd Yusof**

Dekan

Fakulti Sains Gunaan

**Dr. Noor Zaidi Sahid**

Pengerusi Jawatankuasa Surau Ar Raihan Setia Alam

**Tuan Hj. Mat Asis bin Mahnoon**

Nazir Surau

Ar-Raihan Setia Alam

**Encik Muhammad Khairul Fitri Khusiar**

Technical Lead

BdX Tronic Technology Sdn. Bhd

Barisan Pengurusan dan Pelajar

Maahad Tahfiz Integrasi An- Najihin

Barisan

Kariah dan Ahli Jawatankuasa

Surau Ar-Raihan Setia Alam

Barisan

Jawatankuasa Komuniti

Fakulti Sains Gunaan

serta para hadirin yang dihormati sekalian

**Mohon kemas kini salutasi berdasarkan kehadiran.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan keizinan-Nya, dapat kita berkumpul pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Projek Agrofarm2U Fakulti Sains Gunaan.
2. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran **Yang Dihormati Tuan Ir. Cheremi Tarman, Timbalan Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Shah Alam** dan para hadirin sekalian ke **UiTM.**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Sebagai institusi yang maju dan berdaya saing, UiTM amat menggalakkan kepada pemindahan ilmu dan menyokong hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam pelaksanaan *Knowledge Transfer Program* (KTP) di universiti.

4. Hal ini kerana, pemindahan ilmu atau lebih tepat perkongsian ilmu akan memberi manfaat bukan sahaja kepada penerima tetapi juga kepada pemberi. Dalam Islam juga ada menyebut 'jika kita inginkan keberkatan dalam sesuatu perkara, kita hendaklah berkongsi perkara tersebut dengan orang lain'. Atas dasar itulah, pada hari ini UiTM sentiasa menerapkan di dalam diri setiap warganya untuk memberi balik kepada komuniti kepakaran atau pengetahuan yang dimiliki bagi memberi manfaat kepada komuniti.
  
5. UiTM juga telah banyak berkolaborasi dan melaksanakan pemindahan ilmu kepada industri dan komuniti. Para pensyarah khususnya, digalakkan untuk membuat penyelidikan yang hasilnya boleh memberi manfaat kepada industri dan komuniti. Produk-produk penyelidikan di UiTM telah banyak dihasilkan dan memberi impak positif kepada industri dan komuniti di seluruh negara.

6. Pejabat Jaringan Komuniti, Komuniti dan Alumni (ICAN) UiTM sentiasa menjadi tulang belakang kepada universiti dalam mengkoordinasi pelaksanaan aktiviti permindahan ilmu melibatkan para penyelidik, akademia dan komuniti.
7. Beberapa program KTP yang telah dijalankan di seluruh kampus cawangan UiTM bukan sahaja membantu memberi pengetahuan kepada komuniti sasaran ,malahan turut membantu meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk setempat.
8. Justeru, saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Komuniti Fakulti Sains Gunaan di bawah kelolaan Prof. Dr. Hajah Farida Zuraina Mohd Yusof Dekan FSG dan komuniti Surau Ar-Raihan dan Maahad Tahfiz Integrasi An-Najihin inisiatif mengerakkan pelaksanaan Projek Agrofarm2U ini.
9. Saya difahamkan projek ini telah melibatkan komuniti

Surau Ar-Raihan dan pelajar Maahad Tahfiz Integrasi An-Najihin sejak tahun 2021.

10. Manifestasi kerjasama yang dizahirkan melalui projek Agrofarm2U ini melambangkan kebersamaan universiti dalam membantu masyarakat setempat dalam menjalankan pertanian bandar melalui penggunaan *internet of things* (IoT) yang dapat meningkatkan produktiviti pada hasil pertanian.
11. Transformasi teknologi dalam pertanian menjadi satu sinar baharu dalam menangani isu ini kerana penggunaan teknologi seperti Internet Pelbagai Benda (IoT), robotik dan AI dapat membantu pengeluaran hasil makanan ke tahap yang lebih optimum.
12. Penglibatan para pelajar dalam konsep baharu ini juga dapat memberi nilai tambah pengetahuan mereka dalam menjadikan pertanian moden sebagai alternatif kerjaya yang berdaya saing dan mempunyai masa depan yang cerah.



## **Hadirin yang dihormati sekalian,**

13. UiTM sangat mengalu-alukan penglibatan agensi dan industri dalam pelaksanaan program KTP ini. Kesarjanaan dan kepakaran yang dimiliki oleh para penyelidik dan akademia UiTM dapat disebar luaskan sekiranya ianya turut mendapat kerjasama baik daripada pihak agensi dan industri.
14. Suntikan dana, bantuan kepakaran dan teknikal amat diperlukan bagi membolehkan pelaksanaan ini dapat memberikan impak yang memberikan manfaat kepada komuniti.
15. Simbiosis kerjasama ini akan menjadikan universiti dan industri sebagai pemangkin untuk menjadikan masyarakat lebih berdaya saing, selain dapat meningkat produktiviti dalam penglibatan aktiviti yang dijalankan mereka.
16. Banyak bidang yang boleh dibantu melalui khidmat

kepakaran oleh universiti dan industri seperti khidmat bantuan khidmat nasihat dalam membangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), pembangunan sumber alternatif seperti solar dalam menseimbangkan pembangunan mampan juga penerokaan teknologi pertanian pintar dalam skala yang besar yang boleh menyumbang kepada hasil pertanian usahawan tani.

17. Sudah tiba masanya sinergi pembangunan sosioekonomi masyarakat digembleng bersama dimana peranan universiti dan industri boleh diadaptasi sebagai hub rujukan masyarakat dalam pemindahan ilmu yang dapat menyumbang kepada kemajuan negara.

18. Justeru, saya mengharapkan Program Agrofarm2U ini dapat menjadi model rujukan untuk PTJ lain dan dapat diteruskan pada masa akan datang bagi membolehkan manfaat ketara dapat diberikan kepada masyarakat melalui konsep pemindahan ilmu yang dapat digunakan untuk jangka masa panjang.

19. Saya mewakili pihak UiTM mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Norazila Ibrahim selaku Pengerusi Projek Agrofarm2U, barisan pengurusan dan staf FSG serta komuniti pelajar dan kariah Surau Ar-Raihan dan semua yang terlibat dalam penganjuran pada hari ini. Semoga usaha baik ini mendapat ganjaran sewajarnya dari-Nya.

20. Dengan lafaz Bismilahirahmanirahim, saya merasmikan **Projek Agrofarm2U** ini.

**Sekian,**

**Wabillahitaufik walhidayah,**

**wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**